

Headline	Fotografi Dokumentari Kampung Baru	Language	Malay
Media Title	Utusan Malaysia	Section/Page No	Seni & Budaya
Date	2 Oktober 2016	Journalist	Mohd Naim Aziz
Source	<a href="http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/fotografi-dokumentari-kampung-baru-antara-dua-zaman-1.389716">http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/fotografi-dokumentari-kampung-baru-antara-dua-zaman-1.389716</a>	Remarks	Seni

## Fotografi Dokumentari Kampung Baru - Antara dua zaman

OLEH MOHD NAIM AZIZ | 02 Oktober 2016 6:00 PM

Sejarah Kampung Baru bermula sejak tahun 1900. Ia menjadi penempatan orang Melayu yang berpindah dari Sungai Gombak dan Sungai Klang lebih 100 tahun dahulu. Pada ketika itu Kuala Lumpur adalah tumpuan industri timah terbesar dunia.

Pada hari ini Kampung Baru terletak di tengah-tengah Kuala Lumpur. Kampung Baru bergelut untuk mengekalkan warisan sejarah kerana kawasan sekitar kampung ini yang penuh sesak dengan pembangunan saban hari.

“Sedikit demi sedikit tempat-tempat yang saya pernah lewati apabila ke Kampung Baru telah berpindah atau tidak wujud lagi seperti pasar malam dan tempat-tempat makan. Penduduk-penduduk Kampung Baru sekarang kebanyakannya adalah penyewa dan ada juga warga asing.

“Rumah-rumah lama juga ada yang diruntuhkan bagi memberi laluan kepada pemodenan. Oleh kerana kawasan Kampung Baru yang strategik di tengah bandar, ada rumah telah dijual oleh penduduk asal Kampung Baru dan kini kebanyakannya adalah generasi ke-3 yang mendiami Kampung Baru,” jelas Kamal.

Bermula pertengahan tahun 2014, Kamal Sellehudin sudah mula merakam sisi Kampung Baru. Dalam siri yang beliau hasilkan bertujuan untuk memenuhi kriteria skop penghasilan tesis akhir dalam pengajian Sarjana Fotografi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

Ketika penggambaran selama dua tahun itu beliau mula menyedari bahawa foto yang beliau rakamkan bukanlah sekadar memenuhi tuntutan mata pelajaran semester akhir. Malahan lembaran baharu dibuka untuk mempamerkan hasil seni dari kaca mata seorang rakyat.

### Nilai

Semua sisi kehidupan di sini, dari pembangunan, kemusnahan, migrasi, penduduk asal, kepesatan teknologi, budaya, seni arkitek dirakam dalam bentuk dokumentari bersiri. Tema kontra paparan imej hitam putih memberi perbezaan subjek antara baharu dan lama tentang watak dan wajah Kampung Baru.

“Saya sempat berkenalan dengan penduduk-penduduk Kampung Baru seperti imam di masjid Jamek, semasa saya keluar untuk mengambil gambar. Ada juga keluarga yang menjemput saya untuk bersarapan di rumah mereka. Ini secara lansung dapat memudahkan dokumentasi projek ini,” jelas beliau.

Elemen hitam putih disusun dalam plot penceritaan bukanlah untuk mengimbau nostalgia silam tetapi memberi input bahawa kemeriahan dalam modernisasi telah hilang. Penyampaian mesej keseluruhan tertumpu pada momen persekitaran dalam aspek kesedaran dalam pembangunan.

Selain daripada merakamkan wajah Kampung Baru dalam 'bersaing' dengan kepesatan semasa, Kamal juga menyifatkan rakaman ini untuk dokumentasi pada masa hadapan yang mampu memberikan nilai sentimental mengenai kampung terawal di Kuala Lumpur ini.

Kamal turut menyatakan kebebasan berkarya dalam foto dokumentari lebih bebas berbanding sekeping foto. Ia juga etnografi yang merujuk kepada meluangkan masa tertentu.

“Hasil daripada gambar-gambar yang diambil, boleh disimpulkan bahawa Kampung Baru sedang bergelut untuk mengekalkan identiti sebuah kampung Melayu di tengah-tengah bandar metropolis Kuala Lumpur.

“Walaupun pemodenan diperlukan untuk menaik taraf dan memperbaiki kehidupan manusia untuk menjadikan kehidupan lebih baik, tetapi amat penting bagi negara yang menuju status maju seperti Malaysia untuk terus memelihara budaya, sejarah dan tradisi mereka terutamanya di Kampung Baru sendiri kerana jika tidak, lama-kelamaan ia akan hilang sedikit demi sedikit akibat ditelan arus kemodenan,” tambahnya lagi.

Kamal juga turut mengingatkan untuk jurufoto yang baharu berkecimpung dalam dunia pengimejan dokumentari bahawa mereka haruslah merujuk kepada jurufoto yang lebih berpengalaman. Fokus dan tumpuan dalam memilih topik dan subjek penceritaan haruslah yang dekat dengan hati kita.